



SWM ENVIRONMENT



ISKANDAR  
REGIONAL  
DEVELOPMENT  
AUTHORITY



## KENYATAAN MEDIA

### LESTARI JUNIOR BERI PENDEDAHAN KITARAN SISA PEPEJAL

Tawar aktiviti kelestarian hujung minggu kepada 60 keluarga

---

**JOHOR BAHRU, 17 OKTOBER** – SWM Environment Sdn Bhd (SWM Environment) bersama rakan strategik Sudut Lestari dan Zon Sisa Mampan, Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) dan Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) telah tampil dengan program Lestari Junior yang berjaya menarik penyertaan sekitar 180 orang peserta daripada kalangan ibu bapa dan kanak-kanak.

Pengurus Besar Korporat SWM Environment, Tuan Haji Mohd Norlisam Mohd Nordin berkata program Lestari Junior yang memasuki edisi kedua penganjuran pada tahun ini merupakan program pendidikan kelestarian dirangka khusus untuk memberi pendedahan kepada kanak-kanak melalui aktiviti amali berpengalaman (*experiential hands-on activity*) bersama ibu bapa. Menerusi edisi kedua ini, program Lestari Junior menumpukan kepada ekonomi kitaran dalam aspek pengurusan sisa pepejal yang dihasilkan di rumah.

Jelas beliau lagi, pihak SWM Environment bersama MBJB dan IRDA telah menampilkan tiga bengkel aktiviti berteraskan kitaran sisa asas di rumah iaitu Bengkel Kitaran Botol Plastik yang memerlukan setiap peserta membawa botol plastik untuk ditukarkan menjadi produk baharu seperti alas cawan minuman, bangku modular dan pemegang telefon pintar. Sementara itu, sisa makanan dan buah nanas pula menjadi bahan asas aktiviti Bengkel Kertas Sisa Nanas dan Bengkel Kompos Sisa Makanan.

Dalam pada itu, Lestari Junior juga tampil meraikan sambutan Hari Sungai Sedunia dengan pengisian tentang pemeliharaan sungai melalui Bengkel Bebola Lumpur yang bertujuan untuk membersihkan aliran air sungai. Sekitar 350 biji bebola lumpur (*mud ball*) telah dihasilkan oleh para peserta bersama ibu bapa yang akan dilepaskan dalam program Kem Anak-Anak Lestari dijangka pada bulan November nanti.

#### PROGRAM KEKELUARGAAN YANG DICARI

Menurut seorang ibu peserta, Puan Norfarhana Mohd Salleh, konsep dan pengisian program Lestari Junior memang beliau cari untuk mengisi masa bersama anak-anaknya terutama pada hujung minggu dan cuti sekolah. Malah, beliau dan anak-anaknya telah membuat persediaan untuk menyertai program tersebut sejak dua minggu lalu melalui pengumpulan barangan kitar semula bagi memenuhi keperluan terma dan syarat program.

Bagi Lee Poh Yin yang pernah menyertai siri pertama program Lestari Junior pada tahun lalu pula berasa amat teruja untuk melakukan aktiviti kelestarian bersama anaknya yang berusia empat tahun. Ujar beliau, setiap aktiviti bukan sekadar menerapkan elemen kelestarian malah turut membawakan konsep sentuhan yang amat baik untuk pembesaran awal kanak-kanak. Beliau yang turut disertai komuniti ibu bapa sekitar Johor Bahru amat menantikan aktiviti melepaskan *mud ball* yang telah dihasilkan mereka ke dalam sungai tidak lama lagi.



Sudut Lestari amat mengalu-alukan kehadiran masyarakat termasuk jalinan kerjasama dengan rakan industri dan pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) dalam mendidik dan menerapkan gaya hidup rendah karbon seiring dengan hasrat pihak Kerajaan untuk menjayakan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 2030.

**TAMAT**

**Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:**

**Cik Livingwater a/p Ponnusamy**

Penolong Pengurus

Jabatan Komunikasi Korporat & Hal Ehwal Kerajaan

SWM Environment Sdn. Bhd. (Johor Selatan)

Tel: 07 – 335 6000 / 016 – 783 6759